

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN : Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah
usaha-usaha diplomasi awam yang telah diambil
oleh Kerajaan untuk melindungi, meningkat,
menegakkan kepentingan Malaysia di arena
antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang di-Pertua, Perwakilan Malaysia di luar negara (yang aktif berjumlah 105) merupakan kesinambungan kepada Kerajaan Malaysia di luar negara. Tugas utama setiap Perwakilan adalah untuk melindungi, meningkat dan menegakkan kepentingan Malaysia di arena antarabangsa, dan ini termasuklah melalui pelaksanaan diplomasi awam yang berkesan.

3. Pelaksanaan diplomasi awam di luar negara dikategorikan berdasarkan kepada kumpulan sasaran. Kategori pertama ialah rakyat tempatan iaitu orang ramai di negara luar tersebut. Kedua, golongan yang berpengaruh, yang dapat membentuk atau memberi impak kepada hala tuju dasar luar Malaysia atau sentimen rakyat negara luar tersebut. Golongan ini termasuklah organisasi bukan kerajaan, komuniti bisnes, akademia, golongan pelajar, dewan perniagaan, *think tank*, *diplomatic corp* dan pegawai kerajaan serta pengamal media, termasuklah media sosial. Kumpulan sasaran ketiga ialah golongan rakyat Malaysia sendiri yang berada di luar negara atas sebab seperti belajar, bekerja atau mempunyai pasangan/keluarga yang terdiri daripada rakyat tempatan.

4. Apabila sesuatu aktiviti diplomasi awam dirancang, pengisian program tersebut adalah berdasarkan kumpulan sasaran dan objektif atau mesej yang ingin disampaikan. Contohnya, Perwakilan Malaysia akan mengadakan perjumpaan dengan organisasi bukan kerajaan yang berkenaan untuk menerangkan tentang pendirian Malaysia berhubung sesuatu isu.

5. Selain itu, majlis keramaian seperti Pesta Makanan Malaysia, Malam Gala Malaysia dan Pesta Budaya Malaysia juga diadakan untuk memperkenalkan kepelbagaian makanan dan budaya Malaysia kepada penduduk tempatan. Bagi sasaran kumpulan rakyat Malaysia yang berada di luar negara pula, Perwakilan Malaysia akan melaksanakan Program Mendampingi Rakyat Malaysia seperti Sambutan Hari Raya, bertujuan mengadakan ruang bagi para pegawai Perwakilan berinteraksi dengan mereka. Program ini juga bertujuan untuk merapatkan jalinan dan memberi maklumat dan gambaran tepat berkenaan dasar-dasar kerajaan dan perkembangan terkini di tanah air.

6. Selain melaksanakan aktiviti-aktiviti keramaian, para Duta atau Pesuruhjaya Tinggi dan pegawai Perwakilan Malaysia juga turut giat memberi ceramah, mengadakan temu bual bersama media dan menulis artikel-artikel berkenaan topik yang berkepentingan bagi menegakkan dan mempertahankan kedudukan Malaysia di dalam sesuatu isu. Bagi tahun 2015, Perwakilan Malaysia di luar negara telah mengadakan lebih dari 200 program seranta dan diplomasi awam di serata dunia bagi tujuan menegakkan dan mempertahankan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.